

# MAJLIS HAPPY HOURS WISMA AHLI UDARA (WAU) PU BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/arkib/16-footer-link/4219-majlis-happy-hours-wisma-ahli-udara-wau-pu-butterworth](http://airforce.mil.my/arkib/16-footer-link/4219-majlis-happy-hours-wisma-ahli-udara-wau-pu-butterworth)

BUTTERWORTH, 5 Dis 18 - Majlis Happy Hours Wisma Ahli Udara (WAU) PU Butterworth telah diadakan bertempat di Wisma Ahli Udara sempena Induksi Siri 02/2018. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Waran TUDM, PW U I Lockman bin Abdul Jabar dan Pegawai Waran Pangkalan selaku Penasihat Wisma, PW U I Mohd Sazali bin Suhod.



Majlis telah dimulakan dengan ucapan Yang Dipertua WAU PU Butterworth, Kpl U Muhamad Hijazi Bin Jamil dari Flait Elektronik Cawang Kejuruteraan PU Butterworth dan juga ucapan oleh Pegawai Waran TUDM. Di dalam ucapan tersebut, Pegawai Waran TUDM telah menyampaikan beberapa amanat serta kata-kata perangsang sebagai motivasi kepada warga WAU PU Butterworth. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan peserta Induksi Siri 02/2018 melibatkan seramai 73 orang dari pelbagai ketukangan.



Majlis bertemakan Masquerade Night ini merupakan majlis yang ke-2 yang diadakan pada tahun ini bertujuan untuk proses pembelajaran dan peningkatan keyakinan diri khususnya pada anggota induksi.



